

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JMS 419 – Sejarah Ekonomi Malaysia**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Bincangkan peranan *core* yang terdapat di Asia Tenggara sebelum munculnya Melaka pada abad ke-15M.

(100 markah)

2. *Sulalatus Salatin* mencatatkan, “*Maka segala dagang bawah angin dan dagang atas angin sekaliannya datang ke Melaka, terlalulah ramainya Bandar Melaka pada zaman itu. Maka segala dagang Arab dinamainya Malakat, yakni perhimpunan segala dagang, dari kerana banyak pelbagai jenis dagang ada di sana ....*”

Jelaskan lagi tentang kepesatan perdagangan yang berjalan di Melaka pada abad ke-15M itu seperti yang digambarkan oleh *Sulalatus Salatin* ini.

(100 markah)

3. Bincangkan kedudukan dan peranan Syahbandar dan Saudagar Raja dalam heiraki pembesar Melayu pada abad-abad selepas runtuhnya kerajaan Melayu Melaka.

(100 markah)

4. Sejauh mana sistem merkantilisme telah mempengaruhi Portugal hingga membawa kepada penaklukan Melaka pada tahun 1511.

(100 markah)

5. Bincangkan sebab-sebab yang telah membawa kepada keruntuhan perdagangan dan perkapalan Melayu.

(100 markah)

6. Sultan Husain Syah Singapura mengatakan kepada S. Raffles bahawa, “*Merompak itu sudah pusaka-nya, sebab itu tiada ‘aib, tetapi yang merompak itu bukannya asal Melayu.*”

Bincangkan pernyataan Sultan Husain Syah ini dan kaitkan dengan kegiatan perlanungan di Selat Melaka dan sekitarnya pada abad ke-18 hingga 19 itu.

(100 markah)